



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' SRI HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**MAJLIS PENYAMPAIAN
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN
2017 DAN JASAMU DIKENANG TAHUN 2018**

Tarikh : 09 JANUARI 2018

**Tempat : DEWAN PERDANA A
PUSAT KONVENSYEN
ANTARABANGSA PUTRAJAYA
(PICC)**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia.

Saudara dan Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Tan Sri Noh bin Haji Omar
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Yang Berhormat Datuk Wira Halimah binti Mohamed
Sadique
Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

YBrs. Encik Khairul Dzaimie bin Daud
Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi di bawah KPKT

Yang diraikan Penerima-penerima Anugerah
Perkhidmatan Cemerlang KPKT bagi tahun 2017 serta
pesara dan bakal pesara 2018 dan;

Tuan-tuan dan Puan-puan, saudara-saudari yang saya
muliakan.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas perkenan dan limpah kurnia-Nya jua, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 dan Jasamu Dikenang 2018 dapat dilangsungkan pada hari ini. Sesungguhnya **majlis pada hari ini boleh dikatakan sebagai majlis apresiasi yang cukup bermakna** bagi menghargai dan meraikan para pegawai yang telah memberikan sumbangan dan menunjukkan prestasi yang cemerlang bagi tahun 2017 di **Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan** serta agensi-agensinya di bawah naungan KPKT yang terdiri daripada **PLANMalaysia** atau dahulunya dikenali sebagai *Jabatan Perancangan Bandar dan Desa*, **Jabatan Kerajaan Tempatan**, **Jabatan Perumahan Negara**, **Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara**, dan **Jabatan Landskap Negara**.
2. Di samping itu, majlis ini turut menghargai dan merai para bakal pesara 2018, yang saya percaya telah **banyak menabur bakti dan budi** buat perkhidmatan awam di Malaysia, khususnya KPKT.

3. **Sebelum bahtera mengibar layarnya, sebelum sampan menghayun dayungnya,** izinkan saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan **setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Noh bin Haji Omar,** Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan atas kesudian Yang Berhormat Tan Sri meluangkan masa untuk bersama-sama hadir memeriahkan majlis dan seterusnya menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPKT Tahun 2017 dan Jasamu Dikenang 2018 ini. Sesungguhnya kehadiran Yang Berhormat Tan Sri bersama Yang Berhormat Dato' Wira Timbalan Menteri amatlah dinantikan dan menjadi satu manifestasi dan bukti betapa pengurusan tertinggi KPKT sangat prihatin tentang kebajikan penjawat awam di bawahnya, apatah lagi untuk meraikan warga KPKT yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang. Hatta, Kementerian ini percaya bahawa Pengurusan Tertinggi KPKT amat **menghargai setiap titik keringat dan kudrat** setiap pegawai KPKT yang bakal meninggalkan alam perkhidmatan awam pada tahun ini, seperti kata pepatah **“Walau Dapat**

Gading Bertuah, Tanduk lama Dilupa Tidak”.

4. Sekalung penghargaan dan ucapan tahniah saya rakamkan buat barisan urus setia dan ahli jawatankuasa Majlis APC 2017 dan Jasamu Dikenang 2018 ini yang saya percaya telah berusaha gigih merealisasikan penganjuran majlis ini. Saya pasti, penganjuran majlis ini merupakan hasil kerja secara berpasukan oleh setiap individu daripada pelbagai Jabatan dan Bahagian. Syabas dan terima kasih saya ucapkan. **Bertemakan warna “Maroon” dan “Emas”, saya percaya “warna maroon” tersebut menterjemahkan warna hati kita yang setia dan sehati, manakala “warna emas” sebagai simbolik kepada kejayaan-kejayaan gemilang yang telah kita sasarkan menerusi kerja berpasukan sepanjang tahun. Semoga prestasi kita mengekalkan penganjuran APC ini pada awal tahun dapat dikekalkan pada masa akan datang secara konsisten.**

PENGIKTIRAFAN KERAJAAN

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

5. **Sejak tahun 1993**, Kerajaan telah melaksanakan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang atau ringkasnya APC bagi **menghargai pegawai perkhidmatan awam** yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang **yang bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahunan pegawai**. Kaedah pengiktirafan ini telah ditambah baik melalui **Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 2 Tahun 2002** dan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2012** selaras dengan transformasi negara ke arah budaya kerja berprestasi tinggi dan berinovasi. Ia bagi menggalakkan penjawat awam untuk terus memberikan komitmen dan daya usaha dalam mempertingkatkan mutu kerja dan produktiviti diri mereka.

6. Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri dan para hadirin, **Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) KPKT** telah bersidang pada **21 Disember 2017** bagi **mengesahkan** Markah Laporan Penilaian Tahunan (**LNPT**) **2017**, **mempertimbangkan** kelulusan **pergerakan Gaji Tahunan bagi 2018** serta membuat **pemilihan** calon bagi **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang**.

Selain daripada **kualiti kerja yang cemerlang**, penerima APC juga telah dipilih daripada kalangan pegawai yang mempunyai **rekod kehadiran mengikut waktu yang ditetapkan serta memperlihatkan disiplin serta sahsiah terbaik**.

7. Menariknya, di samping memberi pengiktirafan kepada pegawai lantikan tetap, KPKT turut memberi **pengiktirafan dan penghargaan kepada pegawai kontrak** yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang serta komitmen yang tinggi di samping memberikan sumbangan yang signifikan kepada Jabatan. Secara keseluruhannya, saya amat berbangga dengan pencapaian dan keupayaan pegawai-pegawai KPKT daripada pelbagai lapisan jawatan bagi tahun 2017. **Syabas buat semua...**
8. Sedemikian, pada hari yang bermakna ini, kita **meraikan seramai 223 orang** warga KPKT dari pelbagai gred dan skim perkhidmatan yang telah dipilih sebagai penerima APC bagi tahun 2017. Kemeriahan majlis ini turut dikongsi bagi menghargai jasa seramai **33 orang pegawai KPKT yang telah dan bakal memasuki alam persaraan**

bagi tahun 2018. Besarlah harapan saya agar pengiktirafan dan penghargaan seumpama ini menjadi pendorong dan penyuntik semangat kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk terus menyampaikan perkhidmatan yang lebih berkualiti, seterusnya menjadi *role model* dan mentor terbaik kepada rakan sekerja yang lain.

Hadirin yang dimuliakan,

9. **Di bawah pimpinan Menteri yang prihatin dan berkaliber seperti YB Tan Sri Noh bin Haji Omar,** dan disokong dengan komitmen dan kecemerlangan warga KPKT **yang tidak berbelah bagi**, Kementerian ini telah melakar beberapa kejayaan pada tahun 2017 yang cukup membanggakan. Antara kejayaan-kejayaan tersebut adalah:

Pertama: Pelaksanaan Skim Myhome telah berjaya melibatkan 952 orang penerima pada tahun 2017 berbanding sasaran sebenar seramai 600 orang penerima;

Kedua: Program 1AZAM berjaya meningkatkan pendapatan seramai 1672 peserta iaitu sekurang-kurangnya 20% daripada pendapatan sedia ada tahun 2017.

Ketiga: Kadar Kitar Semula Nasional telah berjaya ditingkatkan sebanyak 3.4% berbanding hanya 2% pada sasaran tahun 2017.

Keempat: KPKT telah membelanjakan RM6.076 billion sejak tempoh RMKe-8 sehingga kini bagi melaksanakan **Program Perumahan Rakyat** di seluruh negara yang melibatkan 118 projek siap yang telah memberi manfaat kepada 83,380 keluarga di seluruh negara.

Kelima: Sehingga 31 Disember 2017, KPKT berjaya mencapai **Prestasi Perbelanjaan Pembangunan** sebanyak **99.94%** dan **menduduki tangga ke 2** daripada 25 buah Kementerian, berbanding tangga ke 8 pada tahun 2016. Ini merupakan **sejarah**

pencapaian yang terbaik yang boleh dibanggakan oleh KPKT.

10. Impaknya, kejayaan demi kejayaan yang dicapai tersebut telah berjaya melonjakkan **“Key Performance Indicator”** YB Menteri pada kadar 108% sehingga November pada tahun 2017. **Atas semangat “Negaraku”, kejayaan ini telah membuktikan komitmen dan kesungguhan warga KPKT secara holistik dalam memastikan nasib rakyat di pelbagai peringkat terus dibela dan diberi perhatian sewajarnya melalui program-program serta aktiviti-aktiviti di bawah tanggungjawab KPKT.**

11. **Bagi memastikan kejayaan yang ditempa bersama ini dapat dipertahankan, maka “Konsep Turun Padang” perlu diteruskan sebagai amalan. Seperti pesanan YB Tan Sri Noh jua, amalan turun padang ini perlulah diperluaskan ke semua negeri, tidak bertumpu ke satu negeri sahaja. Dalam hal ini, segala keputusan yang dibuat perlulah dilaksanakan**

secepat mungkin, seterusnya membuat tindakan susulan dan pemeriksaan berkala agar apa yang dijanjikan oleh pihak Kerajaan dapat direalisasikan demi membuktikan segala janji yang kita ikat, dapat ditepati sebaiknya demi kemaslahatan rakyat satu Malaysia.

HALUAN PERKHIDMATAN AWAM MENUJU 2050

Para hadirin sekalian,

12. Bagi merealisasikan hasrat Kerajaan mencapai negara bangsa yang dihormati dan rakyatnya berminda *Par Excellence* menjelang 2050, **Malaysia memerlukan perkhidmatan awam yang dinamik, efisien, berwibawa serta mampu melihat sesuatu isu secara retrospektif serta holistik.**

13. Justeru, suka saya menarik perhatian para hadirin kembali kepada beberapa aspek penting yang telah diterapkan di dalam enam falsafah TN50 tersebut dan kerelevanannya kepada KPKT. Pertama, setiap warga KPKT perlu **meningkatkan kerjasama** dalam pelaksanaan tugas dan **bekerja sebagai satu pasukan** dan tidak terus terkongkong dalam

sempadan atau *silo* masing-masing. Ini bagi **mengelakkan kerenah birokrasi** yang menyukarkan rakyat atau penjawat awam itu sendiri yang akhirnya akan melewatkan pelaksanaan sesuatu tindakan atau keputusan.

14. Pegawai yang cemerlang akan sentiasa berusaha mencari **iniciatif untuk menambahbaik proses kerja** yang bukan hanya berjaya mencapai, malah melangkaui ekspektasi *stakeholders* dan rakyat. Di samping itu juga, pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau ringkasnya NBOS di KPKT diharap dapat memupuk budaya bekerjasama dalam pelaksanaan projek berimpak tinggi dengan cepat dan melibatkan kos yang lebih rendah.

15. Kedua, sebagai warga perkhidmatan awam amnya dan KPKT khususnya, setiap daripada tuan-tuan dan puan-puan perlu menerapkan **prinsip wala' dan kesetiaan** kepada kerajaan yang memerintah. Ini kerana institusi kepimpinan negara yang memerintah telah dilantik oleh rakyat melalui sistem pilihan raya yang telus dan sah. Selaras

dengan status tersebut, sokongan pegawai awam kepada **kerajaan sekarang** perlu diteruskan agar visi dan matlamat yang diterapkan di dalam TN50 dapat dicapai khususnya perancangan pembangunan yang sedang dilaksanakan oleh pucuk pimpinan KPKT sedia ada.

16. Dan ketiga, setiap pegawai awam di KPKT perlu melipat gandakan usaha, dalam melatih diri menjadi *multi-tasking*, *multi-skills* dan *multi-talented*. Budaya kreatif lagi berinovatif serta budaya *thinking outside of the box* perlu digalakkan dan dipertingkatkan di KPKT agar budaya kerja berproduktiviti tinggi dapat direncanakan seterusnya melahirkan modal insan yang berkualiti dan serba boleh; **ibarat benih yang baik, dicampak ke laut menjadi mutiara, dihampar ke darat menjadi permata, di lambung ke angkasa menjadi kejora yang mempersona.**
17. **Hatta, penulis buku tersohor John C. Maxwell di dalam penulisannya “The Complete 101**

Collection: What Every Leader Needs To Know
pernah mencoretkan “Successful people do the things that unsuccessful people are unwilling to do. Justeru, untuk berjaya pada masa hadapan, kita perlulah lebih berani untuk mencuba sesuatu yang baharu, dan jangan takut akan kegagalan, kerana kegagalan itu akan memberi kita pengalaman dan kematangan.

MEDIA MASSA DAN TANGGUNGJAWAB PENJAWAT AWAM

Hadirin yang dihormati sekalian,

18. Sebagaimana kita sedia maklum, penyaluran maklumat masa kini bukan hanya melalui saluran konvensional seperti suratkhobar, majalah, surat mahupun faks, **malah penyaluran maklumat menggunakan media sosial telah menguasai dunia yang dikatakan tanpa sempadan.** Justeru, berdepan dengan persekitaran moden dan akses kepada maklumat yang sangat mudah dan pantas tersebut memerlukan warga KPKT lebih **bijak menilai serta menapis** segala maklumat yang

diterima dan memastikan rahsia Kerajaan sentiasa terpelihara. Saya menegaskan agar penjawat awam, khususnya di KPKT tidak terlibat dalam memuat naik sebarang tuduhan serta kritikan tidak berasas terhadap Kerajaan yang dilemparkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. **Seterusnya, gunakanlah saluran yang betul dalam mengutarakan pandangan dan cetusan pendapat, bukan hanya menjadi hero tanpa nama, atau keyboard warrior yang gah di alam maya, takut di alam nyata.** Saya percaya pengurusan tertinggi KPKT sentiasa bersedia dalam menerima pandangan dan cetusan pendapat apatah lagi sekiranya ia baik untuk membaiki penyampaian perkhidmatan Kementerian ini.

19. **Kendatipun begitu,** saya mengharapkan agar setiap pegawai dan kakitangan kementerian ini agar **lebih cakna serta mahir dan mampu menggunakan media sosial** ini secara objektif sebagai medium interaksi yang cepat dan berkesan dalam memenuhi kehendak semua *stakeholders* dan rakyat. Segala pertanyaan atau aduan orang ramai yang dikemukakan melalui media sosial

haruslah diambil peduli dan maklum balas perlu disegerakan. **Sebagai warga KPKT, setiap daripada kita bolehlah menjadi Duta Kecil kepada aplikasi “I-Kepoh” dalam memperkenalkan dan menyebarkan penggunaan aplikasi ini kepada orang awam yang ingin mengutarakan segala aduan berkaitan KPKT untuk tindakan penyelesaian dan penambahbaikan perkhidmatan kita.** Dengan sikap-sikap yang dinyatakan, diharapkan semua warga KPKT dapat menjadi agen transformasi yang berkesan dan proaktif, ikhlas melaksanakan amanah serta tanggungjawab dengan penuh integriti pada setiap masa.

PENUTUP

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

20. Akhirul kalam, saya ingin sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017. **Kepada para pesara dan bakal pesara, saya mendoakan semoga kalian terus dikurniakan kesihatan yang**

berpanjangan dan sekiranya kalian mempunyai sebarang buah fikiran untuk dikongsikan, sumbangan kalian amatlah dialu-aluan.

Besarliah harapan saya agar semua pegawai Kementerian ini berupaya meneruskan **“tradisi kecemerlangan”** kita dalam apa jua tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Pastinya, kecemerlangan ini akan memungkinkan aspirasi Pengurusan Tertinggi KPKT dalam sistem penyampaian *core business* Kementerian yang bertunjangkan pada Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan terus dilaksanakan secara cekap, berkualiti dan berkesan.

**Kilau Permata Nian Digilap,
Seri Terpancar Tepian Selendang:
KPKT Hebat, Warganya Mantap,
Prestasi Cemerlang, Namanya Gemilang.**

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

Disediakan oleh :

Bahagian Sumber Manusia, KPKT
7 Januari 2018